

# Siasat segera lesen MySejahtera

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**

badrul.isa@mediamulia.com.my

**PORT DICKSON:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa siasatan terbuka dibuat terhadap syarikat yang menjadi pemegang lesen aplikasi MySejahtera yang menjadi pertikaian banyak pihak ketika ini, selain mesti dibahaskan di Parlimen.

Ketua Pembangkang itu mendakwa, syarikat tersebut berpangkalan di Singapura dan siasatan perlu melihat risiko kepada negara.

“Jadi saya fikir, satu siasatan terbuka harus dibuat dan mesti dibahaskan di Parlimen dan tidak mahu jawab lebih kurang.

“Paling serius soal sekarang ini, syarikat yang diberikan itu berpangkalan di Singapura, dia perlu jawab kalau rasa di sebaliknya. Apa risiko kepada negara, dia perlu jawab,” katanya.

Anwar yang juga Ahli Parlimen Port Dickson berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Sumbangan Ihya' Ramadan kepada masjid dan surau seluruh Port Dickson di Masjid Linggi di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan dokumen mahkamah yang menunjukkan syarikat pembangunan MySejahtera (Entomo Malaysia) bersetuju untuk memindahkan hak milik intelektual dan lesen perisian aplikasi Covid-19 kepada syarikat MySJ Sdn. Bhd (MySJ) untuk RM338.6 juta dalam satu perjanjian sehingga hujung tahun 2025.

Bagaimanapun, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, kerajaan masih berunding

**"Jadi saya fikir, satu siasatan terbuka harus dibuat dan mesti dibahaskan di Parlimen dan tidak mahu jawab lebih kurang."**

**ANWAR IBRAHIM**

dengan MySJ sebagai pemegang lesen aplikasi MySejahtera mengenai terma dan syarat penggunaan aplikasi itu.

Khairy menjelaskan, aplikasi MySejahtera termasuk data pengguna adalah selamat dan kerajaan tidak berkompromi dalam soal keselamatan data.

Sementara itu, Anwar berkata, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin harus mengadakan perbincangan terlebih dahulu dengan pembangkang sekiranya kerajaan bercadang membentangkan sekali lagi usul pelanjutan Subseksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA) 2012.

“Saya minta menteri harus bincang dahulu, kerana beberapa peruntukan itu terlalu ketat, kuasa untuk lawan pengganas, semua itu orang sokong, isu tak sokong usaha ini ialah ada undang-undang terlalu ketat, keras, dan boleh disalahguna.”